

 <b>UPM</b> UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BERILIRU BERSAMA KAMPUS BINTULU SARAWAK <small>BERSEJARAH BERSEMANGAT</small>	<b>FESTIVAL KESENIAN ISLAM 2025</b> <b>(EDISI KE-3)</b> <b>FORMAT PERTANDINGAN NASYID</b> <b>KONTEMPORARI</b>	 <b>Festival</b> <b>Kesenian</b> <b>Islam 2025</b> <i>(Edisi Ke-3)</i> <small>IPSENUS INSTITUT PENGETAHUAN ISLAM DAN UMMAH</small>
--	--	---

## 1. KATEGORI PERTANDINGAN

- i. Pertandingan ini dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu:
  - a) **Kategori Sekolah Rendah**
  - b) **Sekolah Menengah/Institut Pengajian Tinggi/Kolej Vokasional**
  - c) **Kategori Terbuka**

## 2. PERINGKAT PERTANDINGAN

- i. Terdapat dua (2) peringkat iaitu:
  - a) **Peringkat Saringan (Kelayakan)**

Dalam peringkat ini, kumpulan yang mendaftarkan diri akan bertanding dengan mempersempahkan sebuah (1) lagu sahaja dalam bentuk *minus-one* atau persembahan secara langsung dengan irungan peralatan muzik perkusi. Persembahan masa tidak melebihi lima (5) minit.

- b) **Pusingan Akhir**

Pusingan akhir pula akan menampilkan lima (5) kumpulan terbaik dari pusingan saringan bagi setiap kategori dan akan bersaing untuk merebut hadiah yang disediakan. Setiap kumpulan akan menyampaikan dua (2) buah lagu dalam format *minus-one* atau persembahan yang diiring peralatan muzik perkusi. Masa yang ditetapkan untuk keseluruhan persembahan adalah selama dua belas (12) minit.

## 3. SYARAT PERTANDINGAN

- i. Penyertaan terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara Malaysia dan boleh terdiri daripada pelbagai kaum.
- ii. Yuran penyertaan dikenakan adalah sebanyak **RM100.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Sahaja)** bagi setiap kumpulan kategori Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah/Institut Pengajian Tinggi/Kolej Vokasional. Yuran bagi kategori Terbuka

adalah sebanyak **RM150.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Lima Puluh Sahaja)** bagi setiap kumpulan.

- iii. Setiap kumpulan nasyid hendaklah tidak lebih daripada sepuluh (10) orang ahli. Percampuran lelaki dan perempuan adalah tidak dibenarkan manakala penyertaan secara solo adalah dibolehkan.
- iv. Segala perbelanjaan kumpulan yang meliputi kos perjalanan, makan, minum, latihan, susunan muzik (*music arrangement*), peralatan muzik yang digunakan, pakaian dan sebagainya adalah di bawah tanggungan kumpulan masing-masing.
- v. Rakaman video dan/atau audio oleh pihak pengajur adalah menjadi hak milik pengajur.
- vi. Pakaian peserta hendaklah sopan dan menutup aurat sesuai dengan nilai - nilai Islam.

#### **4. LAGU DAN LIRIK**

- i. Bagi Peringkat Saringan (Kelayakan), peserta dikehendaki menyampaikan sebuah (1) lagu dalam bentuk *minus-one* atau diiringi dengan muzik iringan perkusi.
- ii. Bagi Peringkat Akhir, lima (5) kumpulan terbaik akan dipilih dan dikehendaki menyampaikan dua (2) buah lagu dan disampaikan sama ada dalam bentuk *minus-one* atau diiringi muzik iringan perkusi.
- iii. Peserta boleh menggunakan lagu dan lirik ciptaan sendiri, ciptaan sedia ada dan tidak boleh mengubah lirik asal sekiranya membuat persembahan menggunakan lagu yang telah dirakamkan oleh mana-mana pihak sebelum ini dan penggunaan lirik dan lagu sendiri adalah dibenarkan.
- iv. Setiap lagu yang dipersembahkan hendaklah tidak melebihi masa lima (5) minit bagi Peringkat Saringan manakala bagi Peringkat Akhir, masa yang diperuntukkan adalah selama dua belas (12) minit untuk keseluruhan persembahan. Persembahan yang melebihi masa yang ditetapkan akan **dipotong markah sebanyak sepuluh (10) markah.**
- v. Senikata lagu hendaklah dalam Bahasa Melayu, Bahasa Arab, Bahasa Inggeris atau gabungan bahasa-bahasa tersebut. Bagi senikata Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris hendaklah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu.
- vi. Lirik lagu hendaklah berunsur nilai-nilai Islam yang bertujuan untuk memupuk semangat dakwah Islamiah, semangat patriotik dan kehidupan sejahtera,

membanteras gejala sosial, meningkatkan nilai-nilai kemanusiaan sejagat dan seumpamanya.

## 5. MUZIK IRINGAN

- i. Peserta boleh menggunakan rakaman iringan muzik (*Minus-One*) yang tidak ada suara latar (*Back up Vocal*) di dalam rakaman muzik tersebut. Rakaman iringan muzik tersebut hendaklah diserahkan kepada pihak pengajur di dalam format audio di dalam cakera padat (CD) atau pemacu pena (*pendrive*) semasa pendaftaran dibuat.
- ii. Pertandingan ini juga membenarkan muzik iringan perkusi dan alat muzik yang digunakan perlu disenaraikan di dalam ruangan yang disediakan di dalam Borang Penyertaan. Peralatan muzik disediakan oleh peserta sendiri.

## 6. PENGHAKIMAN

Penghakiman akan diadili oleh sebuah panel hakim yang akan dilantik oleh pihak pengajur dan keputusan adalah muktamad. Penghakiman berdasarkan pada aspek-aspek berikut:

- i. Suara Utama (30 markah)
  - Kemerduan (*Golden Voice*)
  - Nada suara (*Pitching*)
  - Bentuk Suara (*Tone*)
  - Getaran Suara (*Vibration*)
  - Teknik pengeluaran suara
  - Penghayatan (*feel*) vokal utama
  - Kreativiti
- ii. Suara Latar (50 markah)
  - Keseragaman suara latar.
  - Pembentukan chord (triad) unisen, 3rd & 5th atau alternatif chords.
  - Kemerduan (*Golden Voice*).
  - Nada suara (*Pitching*).
  - Bentuk Suara (*Tone*).
  - Getaran Suara (*Vibration*)
  - Teknik pengeluaran suara.

- Penghayatan (*feel*) vokal utama.
- Kreativiti

iii. Persembahan (20 markah)

- Kombinasi berkumpulan.
- Gaya yang menarik dan kreatif.
- Menguasai dan tarikan kepada penonton.
- Pemilihan lirik dan lagu yang bersesuaian.
- Pakaian yang bersesuaian dengan persembahan.
- Kreativiti.

## **7. HADIAH PERTANDINGAN**

Hadiah pertandingan bagi setiap kategori yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

### **JOHAN**

Wang Tunai RM1,500.00 + Trofi + Sijil Penyertaan.

### **NAIB JOHAN**

Wang Tunai RM1,300.00 + Trofi + Sijil Penyertaan.

### **KETIGA**

Wang Tunai RM1,000.00 + Trofi + Sijil Penyertaan.

### **SAGUHATI**

Wang Tunai RM200.00 + Trofi + Sijil Penyertaan.

### **PERSEMBAHAN TERBAIK**

Wang Tunai RM150.00 + Trofi + Sijil Penyertaan.

### **BUSANA TERBAIK**

Wang Tunai RM150.00 + Trofi + Sijil Penyertaan.

## 8. LAIN-LAIN KETERANGAN

- i. Sebarang kemalangan dan/atau kecederaan ke atas peserta semasa pertandingan ini berlangsung adalah di atas tanggung jawab peserta dan tidak boleh dituntut daripada pihak penganjur.
- ii. Semua syarat-syarat dan peraturan yang dikeluarkan oleh pihak penganjur adalah wajib dipatuhi oleh setiap peserta.
- iii. Keputusan hakim pertandingan adalah muktamad, sebarang bantahan tidak akan dilayan oleh pihak penganjur pertandingan.
- iv. Hanya **lima belas (15) penyertaan terawal** bagi setiap kategori sahaja akan memasuki Peringkat Saringan. Sebarang pertambahan adalah tertakluk kepada keputusan pihak penganjur.
- v. Kumpulan yang **BERJAYA** melangkah ke Peringkat Akhir akan dimaklumkan oleh pihak penganjur di akhir sesi saringan.
- vi. **Borang Pendaftaran** yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada **Penyelaras pertandingan** seperti maklumat di bawah selewat-lewatnya pada atau sebelum **27 JULAI 2025 (JUMAAT)**.
- vii. Sebarang makluman atau pertanyaan berhubung perkara ini boleh hubungi Penyelaras Pertandingan Nasyid Kontemporari:
  - Pn. Nur Asyiqin Binti Zaidi  
(+6011-20839081) / [asyiqin.zaidi@upm.edu.my](mailto:asyiqin.zaidi@upm.edu.my)